

D.R. 53/2007

**RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA
PELAKSANAAN KORIDOR UTARA 2007**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Jaminan am

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA

4. Pihak Berkuasa
5. Objektif Pihak Berkuasa
6. Fungsi Pihak Berkuasa
7. Kuasa Pihak Berkuasa
8. Fungsi tambahan Pihak Berkuasa
9. Keanggotaan Pihak Berkuasa
10. Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan
11. Pengosongan jawatan
12. Pengisian kekosongan
13. Saraan atau elaun
14. Penzahiran kepentingan
15. Pihak Berkuasa boleh menubuhkan jawatankuasa
16. Wilayah Ekonomi Koridor Utara
17. Perwakilan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa
18. Penyata, laporan, akaun dan maklumat

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN III

KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT PIHAK BERKUASA

Fasal

19. Ketua Eksekutif
20. Pengambilan khidmat pegawai dan pekhidmat lain Pihak Berkuasa
21. Bantuan kewangan kepada anggota, pegawai, pekhidmat dan orang lain

BAHAGIAN IV

ARAH, DASAR DAN STRATEGI BAGI PEMBANGUNAN DI DALAM
WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA

22. Tanggungjawab Pihak Berkuasa
23. Penyediaan draf Rancangan Pembangunan WEKU
24. Kelulusan atau penolakan draf Rancangan Pembangunan WEKU
25. Kajian semula atau pengubahan Rancangan Pembangunan WEKU
26. Kewajipan untuk mengambil tahu tentang Rancangan Pembangunan WEKU
27. Pembangunan strategik yang ditetapkan

BAHAGIAN V

PENYELARASAN ANTARA ENTITI KERAJAAN DI DALAM WILAYAH EKONOMI
KORIDOR UTARA

28. Agensi penyelarasan utama
29. Perkiraan dengan Entiti Kerajaan
30. Tanggungjawab Entiti Kerajaan

BAHAGIAN VI

KEWANGAN

31. Kumpulan Wang
32. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang
33. Pemeliharaan Kumpulan Wang /
34. Kumpulan wang rizab

Fasal

35. Akaun bank
36. Kuasa untuk meminjam
37. Pelaburan
38. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
39. Tahun kewangan
40. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

BAHAGIAN VII

AM

41. Kuasa untuk mengambil khidmat
42. Kuasa untuk menubuhkan syarikat
43. Kesalahan kerana memberikan maklumat palsu atau mengelirukan
44. Kesalahan bagi pengubahsuaian tanpa kuasa maklumat dalam jagaan Pihak Berkuasa
45. Obligasi kerahsiaan
46. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
47. Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang
48. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
49. Pekhidmat awam
50. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
51. Perkara yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini diperbuat
52. Kecualian

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk memperbadankan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, untuk mengadakan peruntukan mengenai arah, dasar dan strategi yang sewajarnya berhubung dengan pembangunan sosioekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, untuk mengadakan peruntukan bagi penyelarasan antara agensi kerajaan untuk menggalakkan perdagangan, pelaburan dan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Perdana Menteri, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Perdana Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan —

(a) bagi permulaan kuat kuasa Akta ini di dalam kawasan atau bahagian yang berlainan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara;

- (b) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara; dan
- (c) bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini di dalam kawasan atau bahagian yang berlainan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

"Entiti Kerajaan" ertinya—

- (a) Kerajaan Persekutuan, atau mana-mana Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Negeri atau kerajaan tempatan; dan
- (b) mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga, majlis atau badan lain, diperbadankan atau tidak diperbadankan, bagi Kerajaan Persekutuan, atau bagi mana-mana Kerajaan Negeri atau kerajaan tempatan, sama ada ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis atau selainnya;

"jawatankuasa" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa di bawah seksyen 15;

"Jawatankuasa Perancang Negeri" ertinya Jawatankuasa Perancang Negeri bagi sesuatu Negeri, yang ditubuhkan di bawah seksyen 4 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*];

"kawasan lapang" ertinya mana-mana tanah, sama ada dilingkungi sesuatu atau tidak, yang disusun atur atau dirizabkan untuk disusun atur keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam;

"Kelulusan" ertinya apa-apa kelulusan mana-mana Entiti Kerajaan, sama ada di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau tidak, dan termasuk kelulusan bagi atau berhubung dengan lesen, permit, pas, pendaftaran, cukai, eksais dan insentif, yang dikehendaki bagi atau berkaitan dengan perdagangan, pelaburan dan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;

"Kerajaan Negeri" ertinya Kerajaan sesuatu Negeri;

"Ketua Eksekutif" ertinya ketua pegawai eksekutif yang dilantik di bawah subseksyen 19(1) dan termasuk mana-mana pegawai yang diarahkan di bawah subseksyen 19(6) untuk melaksanakan tugas ketua pegawai eksekutif itu;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang ditubuhkan di bawah seksyen 31;

"menetapkan" ertinya menetapkan melalui peraturan-peraturan;

"Negeri" ertinya setiap Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak dan "Negeri-negeri" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Pihak Berkuasa yang dinyatakan di bawah seksyen 9;

"Pihak Berkuasa" ertinya Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

"Pihak Berkuasa Negeri" ertinya Pihak Berkuasa Negeri bagi sesuatu Negeri;

"pihak berkuasa perancang tempatan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976;

"pihak berkuasa tempatan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*];

"Rancangan Fizikal Negara" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976;

"Rancangan Pembangunan WEKU" ertinya draf Rancangan Pembangunan WEKU yang diluluskan oleh setiap dan tiap-tiap Kerajaan Negeri menurut seksyen 24, dan termasuk apa-apa perubahan Rancangan Pembangunan WEKU menurut kuasa seksyen 25;

"rancangan struktur" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976;

"rancangan tempatan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976;

"Wilayah Ekonomi Koridor Utara" ertinya kawasan atau kawasan-kawasan yang ditentukan oleh Perdana Menteri mengikut seksyen 16.

Jaminan am

3. (1) Bagi mengelakkan keraguan, tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai mengurangkan atau mengehendkan hak, kuasa dan fungsi Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang atau Perak atau mana-mana Entiti Kerajaan.

(2) Peruntukan Akta ini hendaklah dibaca bersama dengan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana Entiti Kerajaan dan tidak mengurangkan mana-mana hak, kuasa dan fungsi yang diberikan kepada mana-mana Entiti Kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis itu.

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA

Pihak Berkuasa

4.(1) Suatu pertubuhan dengan nama "Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara" ditubuhkan.

(2) Pihak Berkuasa adalah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Pihak Berkuasa boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Pihak Berkuasa boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan

- (c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik, atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak pada Pihak Berkuasa.

Objektif Pihak Berkuasa

5. Objektif Pihak Berkuasa adalah —

- (a) untuk menggalakkan dan mempercepat pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara supaya menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan; dan
- (b) untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mapan diutamakan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Fungsi Pihak Berkuasa

6. Tertakluk kepada subseksyen 22(1), fungsi Pihak Berkuasa adalah —

- (a) untuk mewujudkan arah, dasar dan strategi berhubung dengan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan fungsi lain yang berkaitan dengannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian IV;
- (b) untuk mengesyorkan kepada Entiti Kerajaan yang berkaitan dasar, undang-undang dan tindakan yang hendaklah terpakai bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang difikirkannya perlu untuk mencapai objektifnya di bawah Akta ini;
- (c) untuk menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh Entiti Kerajaan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian V, termasuklah —
 - (i) untuk mengesyorkan standard, garis panduan, amalan terbaik dan proses dan tatacara pentadbiran yang

seragam yang hendaklah diterima pakai oleh Entiti Kerajaan bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara; dan

- (ii) untuk memantau pelaksanaan standard, garis panduan, amalan terbaik dan proses dan tatacara pentadbiran yang seragam dalam memudahkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (d) untuk membuat pertanyaan mengenai, menjalankan kajian mengenai, mengumpul semak, menganalisis dan menyiarkan maklumat, statistik dan faktor yang mempengaruhi atau berkaitan dengan pembangunan, perniagaan atau pelaburan dan untuk menyebarkan maklumat, statistik dan faktor itu kepada pelabur atau pelabur berpotensi, sama ada tempatan atau asing, di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan kepada Entiti Kerajaan yang berkaitan;
- (e) untuk mengesyorkan kepada Entiti Kerajaan yang berkaitan insentif yang hendaklah terpakai bagi pelabur di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (f) untuk memajukan, merangsang, memudahkan dan meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa Wilayah Ekonomi Koridor Utara sebagai suatu pusat pertanian, pembuatan, pendidikan, perdagangan, pelaburan dan logistik, dan destinasi pelancongan;
- (g) untuk menggalakkan, merangsang, memudahkan, menyelaraskan dan mengusahakan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara —
 - (i) pembangunan ekonomi dan sosial;
 - (ii) pembangunan pertanian, termasuk pemodenan, mempelbagaian dan pengkomersialan sektor pertanian;
 - (iii) pembangunan industri, termasuk pembangunan aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi dan industri baru;
 - (iv) pembangunan pelancongan, termasuk pembangunan pelancongan kesihatan perubatan, pelancongan mewah dan eko-pelancongan;
 - (v) pembangunan infrastruktur dan logistik;

- (vi) pembangunan kesenian, kebudayaan dan warisan;
 - (vii) pembangunan modal insan, termasuk pembangunan institusi vokasional dan teknikal dan pusat kecemerlangan bagi penyelidikan, pembelajaran dan latihan;
 - (viii) pembangunan kemudahan atau infrastruktur pendidikan;
 - (ix) pembangunan kemudahan kesihatan dan perubatan; dan
 - (x) pembangunan mapan, termasuk perlindungan, pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar;
- (h) untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam pembangunan yang disebut dalam perenggan (g);
- (i) untuk menyediakan perkhidmatan nasihat dan perundingan kepada pelabur atau pelabur berpotensi di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (j) untuk mewujudkan dan mengkaji semula kriteria bagi insentif yang secara langsung dan secara eksklusif diuruskan dan ditadbirkan oleh Pihak Berkuasa sebagaimana yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa yang hendaklah terpakai bagi pelabur di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, dan untuk menerima, memproses, menilai dan memberikan insentif itu kepada pelabur yang layak;
- (k) untuk merancang, melaksanakan secara berperingkat-peringkat, mengutamakan, menyelaraskan dan mengkaji semula pelaksanaan aktiviti yang disebut dalam perenggan (f) dan (g) dan apa-apa aktiviti lain di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang disifatkan oleh Pihak Berkuasa sebagai mempunyai kepentingan strategik kepada Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau demi kepentingan Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (l) untuk membantu Entiti Kerajaan yang berkaitan dalam mengkaji semula dan menilai pelaksanaan aktiviti yang disebut di dalam perenggan (f) dan (g) di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara; dan

- (m) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberikan oleh atau di bawah Akta ini dan untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang merupakan tambahan kepada, bersampingan dengan, atau berbangkit daripada mana-mana fungsi yang dinyatakan dalam seksyen ini atau dalam menjayakan objektif Pihak Berkuasa.

Kuasa Pihak Berkuasa

7. Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, kuasa Pihak Berkuasa termasuklah kuasa—

- (a) untuk menjalankan atau terlibat dalam mana-mana aktiviti komersial atau perusahaan membuat keuntungan, tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan;
- (b) untuk mendayausahkan dan menjalankan kajian mengenai kawasan pembangunan dan pembangunan semula yang mungkin, untuk mencadangkan rancangan yang menggariskan aktiviti pembangunan atau pembangunan semula termasuklah mengenai pasti lokasi yang sesuai dan pemboleh lain yang penting bagi maksud itu dan menjalankan kajian untuk menentukan sama ada pengusahaan dan penjalanan projek pembangunan atau pembangunan semula dapat dilaksanakan;
- (c) untuk memajukan, mengesyorkan, memudahkan, membantu dalam, menyelaraskan, menganjurkan, membangunkan dan mengusahakan strategi dan inisiatif untuk meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa barang-barang dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, termasuklah strategi dan inisiatif yang berhubungan dengan —
 - (i) pembangunan jenama serantau dan bertaraf dunia yang teguh;
 - (ii) penyebaran amalan terbaik atau standard yang moden atau antarabangsa untuk diterima pakai oleh pengeluar atau pemberi perkhidmatan;
 - (iii) pencapaian pentaulihan atau pemerakuan antarabangsa oleh perniagaan;

- (d) untuk membangunkan, menggalakkan, mengesyorkan, memudahkan, menguruskan, menyelaraskan dan mengusahakan inisiatif pembangunan sosial yang bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan dan ketaksamaan pendapatan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (e) untuk menghendaki —
 - (i) semua Entiti Kerajaan yang berkaitan untuk memberikan apa-apa bantuan dan mengemukakan apa-apa maklumat yang ada dalam milik mereka sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa untuk membolehkan Pihak Berkuasa menjalankan fungsinya di bawah Akta ini;
 - (ii) semua Entiti Kerajaan, syarikat dan perbadanan, dan badan dan orang lain, sama ada tempatan atau asing, yang bertanggungjawab bagi atau terlibat dalam menjalankan atau berniat untuk menjalankan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara untuk mengemukakan laporan, yang mengandungi apa-apa butir dan maklumat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa, berkenaan dengan aktiviti mereka atau aktiviti yang dicadangkan oleh mereka;
- (f) untuk menyelaraskan dan membantu Entiti Kerajaan yang berkaitan dalam mengkaji semula dan menilai pembangunan, termasuklah pembangunan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan, infrastruktur dan kemudahan awam di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (g) untuk membuat syor kepada Pihak Berkuasa Negeri dan pihak berkuasa tempatan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara berhubung dengan fungsi dan perkhidmatan kerajaan tempatan termasuk kawalan perancangan tempatan dan pengawalseliaan, kelulusan dan kawalan semua bangunan dan pengendalian bangunan, pembaikan dan penghapusan bangunan hampir musnah dan berbahaya, dan larangan, penutupan dan perobohan bangunan daripada kelas, reka bentuk atau rupa tertentu di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (h) untuk bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen yang diberi kuasa bagi, atau selainnya bertindak bersama dengan atau bagi pihak, mana-mana Entiti Kerajaan,

Rang Undang-Undang

mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang, sama ada tempatan atau asing;

- (i) untuk menghubungi secara langsung atau tidak langsung mana-mana pelabur atau pelabur berpotensi, sama ada tempatan atau asing, dengan tujuan untuk menggalakkan pelaburan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (j) untuk menggalakkan, memudahkan, membantu dan menyelaraskan perjalanan aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d) oleh mana-mana Entiti Kerajaan atau mana-mana orang, sama ada tempatan atau asing atau berseksama oleh mereka;
- (k) untuk menubuhkan atau mengembangkan, atau menggalakkan penubuhan atau pengembangan, syarikat atau badan lain untuk menjalankan mana-mana aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d) sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa Pihak Berkuasa atau secara bebas;
- (l) untuk membuat (atau melalui sesuatu entiti di bawah kawalannya atau kawalan separanya yang disebut dalam perenggan (k)) perkongsian atau membuat apa-apa perkiraan bagi perkongsian keuntungan, gabungan kepentingan, kerjasama, usaha sama, konsesi bersaling atau selainnya, dengan mana-mana orang, syarikat atau badan, atau apa-apa perniagaan, aktiviti atau transaksi yang boleh dijalankan supaya dapat mencapai secara langsung atau tidak langsung objektif Pihak Berkuasa dan untuk mengambil atau selainnya memperoleh syer dan sekuriti mana-mana syarikat itu dan menjual, memegang, menerbitkan semula dengan atau tanpa jaminan atau selainnya berurusan dengan syer dan sekuriti itu;
- (m) untuk mengunderait atau selainnya memperoleh dan memegang apa-apa sekuriti dan untuk melupuskan sekuriti itu atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa;
- (n) tertakluk kepada dan mengikut mana-mana undang-undang bertulis, untuk menubuhkan, menguruskan dan mengendalikan apa-apa kumpulan wang pelaburan, sama ada yang berhubungan dengan harta, saham, syer atau selainnya, dan untuk membubarkan kumpulan wang pelaburan itu atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa;

- (o) untuk memohon bagi dan menerima pemberimilikan atau pemindahan hakmilik tanah di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara bagi pembangunan;
- (p) untuk melupuskan aset modal dan untuk menggunakan hasil daripada pelupusan itu;
- (q) untuk melantik mana-mana ejen sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud melaksanakan fungsinya;
- (r) untuk mengenakan fi, kos atau apa-apa caj lain sebagaimana yang difikirkannya patut bagi melaksanakan mana-mana fungsinya atau kuasanya; dan
- (s) untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

Fungsi tambahan Pihak Berkuasa

8. Sebagai tambahan kepada kewajipan yang dikenakan dan kuasa yang terletak hak pada Pihak Berkuasa oleh Akta ini, Pihak Berkuasa boleh melaksanakan apa-apa fungsi lain, menjalankan apa-apa kuasa lain dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud yang ditugaskan atau diberikan kepadanya oleh Kerajaan Persekutuan atau, mana-mana Kerajaan Negeri dengan kelulusan Perdana Menteri, dan dalam melakukan sedemikian Pihak Berkuasa hendaklah disifatkan sebagai memenuhi maksud Akta ini dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi Pihak Berkuasa berkenaan dengan pelaksanaan fungsi itu, penjalanan kuasa itu dan perbelanjaan wang itu:

Dengan syarat bahawa akaun bagi wang itu hendaklah disimpan berasingan dan terpisah daripada akaun Kumpulan Wang.

Keanggotaan Pihak Berkuasa

9. (1) Pihak Berkuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi, yang merupakan Perdana Menteri;
- (b) Timbalan Perdana Menteri;

- (c) Menteri Besar atau Ketua Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi setiap Negeri;
- (d) dua orang Menteri Persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri;
- (e) seorang wakil daripada perkhidmatan awam yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri; dan
- (f) dua orang anggota daripada sektor swasta yang mempunyai pengalaman atau kelayakan yang sesuai yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri.

(2) Timbalan Perdana Menteri hendaklah mempengerusikan sesuatu mesyuarat Pihak Berkuasa semasa ketidakhadiran Perdana Menteri.

(3) Tertakluk kepada kelulusan Perdana Menteri, mana-mana anggota Pihak Berkuasa yang diperihalkan dalam perenggan (b) hingga (e) boleh melantik seorang anggota silih ganti, yang boleh merupakan seorang anggota lain Pihak Berkuasa, untuk menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa semasa ketidakhadirannya.

(4) Apabila menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa sebagai ganti seseorang anggota, seseorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Pihak Berkuasa pada mesyuarat yang berkaitan itu yang berkenaan dengannya dia dilantik sebagai ganti anggota itu.

(5) Pihak Berkuasa boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Pihak Berkuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang menghadiri sedemikian tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau perbincangan itu.

(6) Ketua Eksekutif hendaklah menjadi Setiausaha kepada Pihak Berkuasa.

(7) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi Pihak Berkuasa.

Pelantikan, pembatalan dan peletakan jawatan

10. (1) Seseorang anggota Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah perenggan 9(1)(/) hendaklah, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun, dan adalah layak untuk dilantik semula mengikut budi bicara Perdana Menteri.

(2) Pelantikan mana-mana anggota di bawah perenggan 9(1)(j) boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Perdana Menteri, tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(3) Seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 9(1) (f) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang dialamatkan kepada Perdana Menteri.

Pengosongan jawatan

11. Jawatan seseorang anggota Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah perenggan 9(\)(f) menjadi kosong —

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan —
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah seksyen 45; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajibannya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
- (f) jika peletakan jawatannya diterima oleh Perdana Menteri; atau

(g) jika pelantikannya dibatalkan oleh Perdana Menteri.

Pengisian kekosongan

12. Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota Pihak Berkuasa oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan yang terpakai.

Saraan atau elaun

13. (1) Maka bolehlah dibayar kepada anggota Pihak Berkuasa, termasuk anggota silih ganti, apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

(2) Mana-mana orang yang di undang untuk menghadiri apa-apa mesyuarat atau perbincangan Pihak Berkuasa di bawah subseksyen 9(5) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

Penzahiran kepentingan

14. (1) Mana-mana anggota Pihak Berkuasa atau sesuatu jawatankuasa yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi seseorang anggota keluarganya atau sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang berkaitan hendaklah menzahirkan kepada Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu —

(a) tidak boleh hadir semasa mana-mana perbincangan atau pembuatan keputusan Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan

- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Mana-mana anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang berkaitan yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang berkaitan boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang berkaitan itu telah melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini —

"anggota keluarganya", berhubung dengan seseorang anggota Pihak Berkuasa atau sesuatu jawatankuasa, termasuk—

- (a) suami atau isterinya;
- (b) ibu atau bapanya, termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya;
- (c) anaknya, termasuk anak angkat atau anak tirinya;
- (d) adik-beradiknya, termasuk adik-beradik suami atau isterinya; dan
- (e) suami atau isteri anaknya atau adik-beradiknya; dan

"sekutu", berhubung dengan seseorang anggota Pihak Berkuasa atau sesuatu jawatankuasa, ertinya—

- (a) seseorang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
- (b) firma yang dalamnya anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsi;
- (c) pekongsi anggota itu;

- (d) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau anggota keluarganya merupakan seorang benefisiari; atau
- (e) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang baginya anggota itu atau mana-mana penamanya atau anggota keluarganya merupakan seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.

Pihak Berkuasa boleh menubuhkan jawatankuasa

15. (1) Pihak Berkuasa boleh dari semasa ke semasa menubuhkan apa-apa jawatankuasa atas apa-apa terma dan dengan mana-mana anggota yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantu Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Keanggotaan sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh termasuk seorang individu atau lebih daripada sektor swasta.

(3) Pihak Berkuasa boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Pengerusi Pihak Berkuasa.

(5) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tataranya sendiri mengikut apa-apa dasar, garis panduan atau peraturan-peraturan yang dikeluarkan atau dibuat oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa di bawah Akta ini.

(6) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa itu oleh Pihak Berkuasa.

(7) Pihak Berkuasa boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(8) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(9) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan —

(a) minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit setiap mesyuaratnya dikemukakan kepada Pihak Berkuasa dalam masa empat belas had dari tarikh mesyuarat yang berkaitan.

(10) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah, jika telah ditandatangani dengan sewajarnya oleh pengerusi jawatankuasa, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(11) Tiap-tiap mesyuarat sesuatu jawatankuasa yang berkenaan dengannya minit mengenai prosidingnya telah dibuat dan ditandatangani mengikut subseksyen (9) dan (10) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

(12) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya, bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu

(13) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri dan mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

(14) Pengerusi mana-mana jawatankuasa boleh memberi kuasa seseorang anggota untuk menggunakan video secara langsung, sambungan televisyen atau kemudahan komunikasi atau multimedia yang sesuai yang lain untuk mengambil bahagian dalam mana-mana mesyuarat jawatankuasa yang berkaitan.

(15) Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, sesuatu jawatankuasa; atau
- (b) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Wilayah Ekonomi Koridor Utara

16. Perdana Menteri boleh dari semasa ke semasa, dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b), (c) dan (d), menentukan melalui pemberitahuan dalam *Warta* kawasan atau kawasan-kawasan di dalam Negeri-negeri yang berkaitan yang di dalamnya Pihak Berkuasa hendaklah melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini dan kawasan atau kawasan-kawasan itu secara kolektif hendaklah dikenali sebagai "Wilayah Ekonomi Koridor Utara":

- (a) Pihak Berkuasa Negeri Perlis, berkenaan dengan mana-mana kawasan atau kawasan-kawasan yang berada di dalam Negeri Perlis;
- (b) Pihak Berkuasa Negeri Kedah, berkenaan dengan mana-mana kawasan atau kawasan-kawasan yang berada di dalam Negeri Kedah;
- (c) Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang, berkenaan dengan mana-mana kawasan atau kawasan-kawasan yang berada di dalam Negeri Pulau Pinang; dan
- (d) Pihak Berkuasa Negeri Perak, berkenaan dengan mana-mana kawasan atau kawasan-kawasan yang berada di dalam Negeri Perak.

Pewakilan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa

17. (1) Pihak Berkuasa boleh, secara bertulis, mewakili mana-mana fungsi dan kuasanya, selain kuasanya untuk meminjam wang, untuk mendapatkan pinjaman atau untuk membuat perundangan subsidiari, kepada —

- (a) Pengerusi;
- (b) seorang anggota Pihak Berkuasa;

- (c) suatu jawatankuasa; atau
- (d) seorang pegawai Pihak Berkuasa.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1) dan peruntukan lain Akta ini, Pihak Berkuasa boleh mewakilkan kepada seorang anggota Pihak Berkuasa atau suatu jawatankuasa atau seorang pegawai Pihak Berkuasa, kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau apa-apa wang lain yang terletak hak pada dan di bawah kawalan Pihak Berkuasa hingga ke tahap yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

(3) Anggota Pihak Berkuasa, jawatankuasa atau pegawai, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang diwakilkan dengan fungsi atau kuasa sedemikian adalah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

(4) Mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Pihak Berkuasa.

(5) Perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Pihak Berkuasa daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri pada bila-bila masa mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu.

Penyata, laporan, akaun dan maklumat

18. (1) Pihak Berkuasa hendaklah memberi Perdana Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Perdana Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti Pihak Berkuasa sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Pihak Berkuasa hendaklah, dalam masa enam bulan selepas berakhir setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Perdana Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Perdana Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain suatu laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Pihak Berkuasa sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya.

(3) Laporan di bawah subseksyen (2) hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Pihak Berkuasa sebagaimana yang ditetapkan oleh Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN III

KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI DAN PEKHIDMAT PIHAK BERKUASA

Ketua Eksekutif

- 19.** (1) Pihak Berkuasa hendaklah melantik seorang Ketua Eksekutif atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar.
- (2) Ketua Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi —
- (a) penjalanan, pentadbiran dan pengurusan am fungsi, aktiviti dan hal ehwal hari ke hari Pihak Berkuasa;
 - (b) penyediaan program, skim dan projek untuk pertimbangan Pihak Berkuasa;
 - (c) pelaksanaan semua program, skim dan projek Pihak Berkuasa; dan
 - (d) pelaksanaan keputusan Pihak Berkuasa dan arahan Pengerusi.
- (3) Ketua Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa.
- (4) Ketua Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.
- (5) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Pihak Berkuasa..
- (6) Jika Ketua Eksekutif tidak ada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain untuk melaksanakan kewajipannya, Pihak Berkuasa boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain untuk melaksanakan kewajipan Ketua Eksekutif semasa ketiadaan atau ketidakupayaan buat sementara itu.

Pengambilan khidmat pegawai dan pekhidmat lain Pihak Berkuasa

20. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (2), Pihak Berkuasa boleh, dari semasa ke semasa, mengambil khidmat apa-apa bilangan pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang difikirkan wajar dan perlu oleh Pihak Berkuasa dan atas apa-apa terma yang difikirkannya sesuai bagi menjalankan maksud Akta ini.

(2) Pihak Berkuasa boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa.

Bantuan kewangan kepada anggota, pegawai, pekhidmat dan orang lain

21. Pihak Berkuasa boleh memberikan —

- (a) bayaran faedah persaraan, ganjaran dan elaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa kepada pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa;
- (b) subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan atau kredit, dengan atau tanpa bunga, bagi maksud pembelian rumah atau kenderaan, dan pembiayaan atau pinjaman ihsan yang lain, kepada anggota, pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa;
- (c) subsidi, pemberian, kemudahan pembiayaan atau kredit, dengan atau tanpa bunga, bagi maksud perubatan kepada anggota, pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa, dan orang tanggungan mereka;
- (d) kemudahan pembiayaan atau kredit, dengan atau tanpa bunga, bagi maksud pendidikan atau biasiswa kepada anggota, pegawai dan pekhidmat Pihak berkuasa atau mana-mana orang lain; dan
- (e) derma kepada mana-mana orang,

atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN IV**ARAH, DASAR DAN STRATEGI BAGI PEMBANGUNAN DI DALAM
WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA****Tanggungjawab Pihak Berkuasa**

22. (1) Dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini, adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa untuk —

- (a) memastikan bahawa fungsi itu dilaksanakan mengikut apa-apa cara yang dapat menjayakan dasar Kerajaan Persekutuan dan setiap Kerajaan Negeri yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara, dan dasar yang terkandung dalam Rancangan Pembangunan WEKU;
- (b) memberi perhatian kepada dan bertindak mengikut rangka kerja am—
 - (i) dasar negara bagi pemajuan dan kawalan penggunaan tanah;
 - (ii) Rancangan Fizikal Negara; dan
 - (iii) dasar am setiap Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan perancangan pembangunan dan penggunaan tanah dan bangunan; dan
- (c) berunding dengan Entiti Kerajaan yang berkaitan yang mempunyai bidang kuasa ke atas aktiviti yang berkaitan atau perkara yang dicadangkan untuk diusahakan atau dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan lain Akta ini, dalam menjalankan tanggungjawabnya di bawah subseksyen (1), Pihak Berkuasa hendaklah —

- (a) membantu setiap Kerajaan Negeri untuk menyelaraskan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, dan bagi maksud ini, Pihak Berkuasa hendaklah menyediakan suatu draf Rancangan Pembangunan WEKU dan merumuskan strategi dan inisiatif bagi pelaksanaan Rancangan Pembangunan WEKU dalam sektor swasta dan awam untuk diterima pakai oleh pihak berkuasa perancang tempatan yang berkaitan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara menurut subseksyen 24(5);

- (b) menyepadukan dasar dan strategi perancangan Kerajaan Persekutuan, setiap Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan yang berkaitan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara setakat yang dasar dan strategi perancangan itu boleh terpakai bagi atau berkaitan dengan Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (c) melaksanakan strategi dan inisiatif bagi pembangunan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan tarikan pelaburan ke Wilayah Ekonomi Koridor Utara, mengikut Rancangan Pembangunan WEKU;
- (d) mengenal pasti keperluan infrastruktur yang perlu bagi pembangunan ekonomi dan sosial Wilayah Ekonomi Koridor Utara mengikut Rancangan Pembangunan WEKU, membangunkan dan mengesyorkan strategi dan inisiatif bagi penyediaan infrastruktur itu, menerima dan menyalurkan apa-apa wang yang diuntukkan oleh Parlimen bagi penyediaan infrastruktur itu dan membantu Entiti Kerajaan yang berkaitan dalam mengkaji semula dan menilai pembinaan, pelaksanaan, pengendalian dan penyenggaraannya;
- (e) mengesyorkan kriteria yang hendaklah dipenuhi oleh Entiti Kerajaan dan kontraktor swasta berhubung dengan penyediaan, atau keupayaan untuk menyediakan, infrastruktur atau perkhidmatan yang diperlukan, mengikut Rancangan Pembangunan WEKU bagi pembangunan ekonomi dan sosial Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (f) mengenal pasti keperluan modal insan atau kemahiran yang perlu bagi pembangunan ekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan membangunkan strategi bagi memastikan bahawa keperluan atau kemahiran itu dibangunkan dan dikekalkan;
- (g) menyepadukan strategi negara dan Negeri dalam merumuskan strategi dalam draf Rancangan Pembangunan WEKU berhubung dengan perlindungan alam sekitar, pemuliharaan dan pengurusan sumber asli yang terletak di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara; dan
- (h) menyepadukan penyelidikan saintifik dan teknologi dan pengeksploitan komersialnya dalam rangka ekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Penyediaan draf Rancangan Pembangunan WEKU

23. (1) Bagi maksud perenggan 22(2)(a), Pihak Berkuasa hendaklah menyediakan suatu draf Rancangan Pembangunan WEKU bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

(2) Draft Rancangan Pembangunan WEKU hendaklah mengandungi pernyataan bertulis dan —

- (a) hendaklah merumuskan, dengan terperinci sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa, cadangannya bagi rangka kerja, wawasan dan objektif keseluruhan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara, yang hendaklah termasuk strategi bagi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (b) hendaklah merumuskan, dengan terperinci sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa, cadangannya bagi inisiatif perancangan dan pelaksanaan untuk merealisasikan strategi yang disebut dalam perenggan (a), yang hendaklah termasuk inisiatif yang berhubungan dengan —
 - (i) fungsi Pihak Berkuasa di bawah perenggan 6(b) dan (c);
 - (ii) peningkatan kualiti persekitaran kehidupan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
 - (iii) pengurusan dan peningkatan pembangunan sosial di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
 - (iv) pengurusan kegunaan tanah di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
 - (v) pencapaian atau peningkatan kelebihan daya saing antarabangsa bagi barang-barang dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, termasuk aktiviti yang berhubungan dengan penjenamaan, penyelidikan, pentauliahan ke atas standard dan pemasaran antarabangsa;
 - (vi) pembangunan modal insan sektor berkaitan atau modal insan industri berkaitan, yang termasuk aktiviti yang berhubungan dengan pendidikan, latihan dan penyelidikan;

- (vii) pembangunan dan pengembangan tarikan pelancongan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (viii) tarikan pelaburan kepada sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (ix) pembangunan sektor pertanian, termasuk pemodenannya, mempelbagaianya dan pengkomersialannya;
- (x) pembangunan sektor industri, termasuk pembangunan industri nilai tambah yang lebih tinggi dan industri baru;
- (xi) penyediaan insentif bagi sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (xii) perlindungan, pengurusan, pemeliharaan dan peningkatan sumber alam sekitar semula jadi, sumber pertanian, eko-sistem pantai yang sensitif, tanah tinggi, hutan, taman dan kawasan lapang di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, termasuk —
 - (aa) perlindungan kawasan sensitif alam sekitar yang diperihalkan dalam Rancangan Fizikal Negara;
 - (bb) pembaikan pengurusan air, tenaga dan sisa di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (xiii) penyediaan, penyepaduan, pembaikan, pengembangan, pemusatan, penyelarasan dan peningkatan pengurusan dan pemantauan infrastruktur utiliti dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (xiv) pemajuan pembangunan berorientasikan pengangkutan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
- (xv) peningkatan infrastruktur dan perkhidmatan logistik atau pengangkutan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, termasuk —
 - (aa) peningkatan penghubungan pengangkutan dalaman, kebangsaan dan antarabangsa bagi pergerakan barang-barang dan manusia;

- (bb) penyediaan dan pengurusan suatu sistem pengangkutan awam yang bersepadu, terselaras dan saling bersambung, yang hendaklah selaras dengan keseluruhan rangka kerja, wawasan, objektif dan strategi yang disebut dalam perenggan (a); dan
 - (c) boleh merumuskan, dengan terperinci sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa, cadangan, dasar dan strateginya yang boleh terpakai bagi kawasan di sekeliling Wilayah Ekonomi Koridor Utara di dalam Negeri Perak setakat yang cadangan, dasar dan strategi itu semunasabahnya dikehendaki untuk mencapai cadangan yang disebut dalam perenggan (a) dan (b); dan tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, cadangan, dasar dan strategi yang boleh terpakai bagi kawasan di sekeliling Wilayah Ekonomi Koridor Utara di dalam Negeri Perak boleh termasuk perkara yang berhubungan dengan keselamatan, perlindungan dan pembaikan alam sekitar dan pemeliharaan sumber semula jadi.
- (3) Draf Rancangan Pembangunan WEKU hendaklah mengandungi, atau disertai dengan, apa-apa peta, gambar rajah, ilustrasi, laporan, lukisan, model dan bahan perihalan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa bagi maksud menjejaskan atau menerangkan cadangan dalam draf Rancangan WEKU, atau sebagaimana yang dalam apa-apa hal tertentu dinyatakan dalam arahan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri; dan peta, gambar rajah, ilustrasi, laporan, lukisan, model dan bahan perihalan itu hendaklah dikira sebagai menjadi sebahagian daripada Rancangan Pembangunan WEKU.
- (4) Dalam merumuskan cadangannya dalam draf Rancangan Pembangunan WEKU, Pihak Berkuasa hendaklah —
- (a) berunding dengan setiap Kerajaan Negeri, mengenai mana-mana cadangan yang berhubungan dengan Negeri yang berkaitan;
 - (b) memastikan bahawa cadangan itu pada amnya mematuhi rancangan pembangunan sosio-ekonomi dan rancangan struktur bagi Negeri yang berkaitan sebagaimana keadaannya pada masa ini, sama ada ia telah berkuat kuasa atau belum; dan

- (c) hendaklah mengambil kira—
- (i) apa-apa maklumat dan pertimbangan lain yang pada pendapatnya berkaitan;
 - (ii) apa-apa maklumat atau pertimbangan lain yang Kerajaan Negeri yang berkaitan boleh mengarahkannya untuk mengambil kira bagi mana-mana cadangan berhubung dengan Negeri yang berkaitan;
 - (iii) dasar negara, apabila berkaitan; dan
 - (iv) dasar Negeri yang berkaitan, apabila berkaitan.

Kelulusan atau penolakan draf Rancangan Pembangunan WEKU

24. (1) Apabila Pihak Berkuasa telah menyediakan draf Rancangan Pembangunan WEKU, Pihak Berkuasa hendaklah mengemukakan draf Rancangan WEKU itu kepada setiap Kerajaan Negeri untuk kelulusannya.

(2) Kerajaan Negeri hanya boleh menahan kelulusannya bagi draf Rancangan Pembangunan WEKU jika ia berpendapat bahawa draf Rancangan Pembangunan WEKU atau mana-mana bahagiannya tidak disediakan mengikut kehendak perenggan 23(4)(a) atau (b) atau subperenggan 23(4)(cj(ii) atau (c)(iv).

(3) Bagi mengelakkan keraguan, Kerajaan Negeri tidak boleh menahan kelulusannya jika mana-mana daripada kehendak itu tidak dipenuhi berkenaan dengan suatu cadangan yang berhubung dengan Negeri lain.

(4) Pihak Berkuasa hendaklah menyiarkan hakikat kelulusan draf Rancangan Pembangunan WEKU oleh setiap Kerajaan Negeri —

- (a) di laman web internet Pihak Berkuasa, dalam bahasa kebangsaan dan Inggeris, bersama dengan Rancangan Pembangunan WEKU; dan
- (b) dalam tiga keluaran sekurang-kurangnya satu surat khabar tempatan dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar

tempatan dalam bahasa Inggeris, bersama dengan tanda yang dengannya Rancangan Pembangunan WEKU yang diluluskan boleh dikenal pasti dan dengan suatu pernyataan tentang tempat di mana Rancangan Pembangunan WEKU yang diluluskan itu boleh diperiksa.

(5) Selepas Rancangan Pembangunan WEKU telah diluluskan oleh setiap dan tiap-tiap Kerajaan Negeri —

- (a) berhubung dengan mana-mana kawasan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang baginya suatu rancangan tempatan masih belum menerima persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, Jawatankuasa Perancang Negeri yang berkaitan bagi kawasan itu hendaklah memberikan suatu arahan kepada pihak berkuasa perancang tempatan yang berkaitan di bawah perenggan 2(3)(b) dan subseksyen 12(8) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 untuk memasukkan ke dalam draf rancangan tempatan bagi kawasan itu apa-apa kandungan Rancangan Pembangunan WEKU sebagaimana yang difikirkan berkaitan atau sesuai oleh Jawatankuasa Perancang Negeri itu; dan
- (b) berhubung dengan mana-mana kawasan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang baginya suatu rancangan tempatan telah menerima persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, Jawatankuasa Perancang Negeri yang berkaitan bagi kawasan itu hendaklah memberikan suatu arahan kepada pihak berkuasa perancang tempatan yang berkaitan di bawah subseksyen 16(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 untuk mengubah rancangan tempatan itu dengan memasukkan apa-apa kandungan Rancangan Pembangunan WEKU sebagaimana yang difikirkan berkaitan atau sesuai oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.

Kajian semula atau perubahan Rancangan Pembangunan WEKU

25. (1) Pihak Berkuasa dan Kerajaan Negeri, boleh pada bila-bila masa, secara bersejajar mengkaji semula atau mengubah Rancangan Pembangunan WEKU.

(2) Seksyen 24 hendaklah terpakai, dengan ubah suaian yang perlu, berhubung dengan suatu perubahan Rancangan Pembangunan WEKU sebagaimana seksyen itu terpakai berhubung dengan penyediaan draf Rancangan Pembangunan WEKU.

Kewajipan untuk mengambil tahu tentang Rancangan Pembangunan WEKU

26. Menjadi kewajipan tiap-tiap Entiti Kerajaan dan orang, sama ada tempatan atau asing, untuk mengambil tahu tentang, dan bertindak mengikut cara yang selaras dengan —

- (a) kandungan Rancangan Pembangunan WEKU yang tidak dimasukkan ke dalam suatu rancangan tempatan menurut subseksyen 24(5) dalam melaksanakan fungsi dan kewajibannya, dalam menjalankan kuasanya, dan dalam menjalankan aktivitinya, di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara; dan
- (b) kandungan Rancangan Pembangunan WEKU sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 23(2)(c) yang tidak dimasukkan ke dalam suatu rancangan tempatan menurut subseksyen 24(5), jika ada, dalam melaksanakan fungsi dan kewajibannya, dalam menjalankan kuasanya, dan dalam menjalankan aktivitinya di dalam kawasan di sekeliling Wilayah Ekonomi Koridor Utara di dalam Negeri Perak.

Pembangunan strategik yang ditetapkan

27. (1) Pihak Berkuasa boleh menetapkan apa-apa pembangunan atau mana-mana kawasan atau kawasan-kawasan di dalam mana-mana Negeri di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang mungkin mempunyai kesan ekonomi yang penting kepada Wilayah Ekonomi Koridor Utara masing-masing sebagai suatu pembangunan strategik yang ditetapkan atau kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan, dengan syarat bahawa mana-mana penetapan pembangunan atau kawasan itu di dalam mana-mana Negeri hanya boleh dibuat dengan persetujuan Kerajaan Negeri bagi Negeri itu.

(2) Mana-mana orang atau Entiti Kerajaan yang berniat untuk menjalankan —

- (a) apa-apa pembangunan strategik yang ditetapkan; atau
- (b) apa-apa pembangunan di dalam kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan,

hendaklah terlebih dahulu merujuk cadangan pembangunan itu kepada Pihak Berkuasa untuk mendapatkan arahnya sebelum menjalankan pembangunan yang dicadangkan itu.

(3) Arahan yang diberikan di bawah subseksyen (2) adalah untuk memastikan pematuhan dan keselarasan dengan kandungan Rancangan Pembangunan WEKU, yang tidak dimasukkan ke dalam suatu draf rancangan tempatan atau rancangan tempatan menurut subseksyen 24(5).

BAHAGIAN V

PENYELARASAN ANTARA ENTITI KERAJAAN DI DALAM WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA

Agensi penyelaras utama

28. (1) Pihak Berkuasa hendaklah, dalam menyelaraskan pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh Entiti Kerajaan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara—

- (a) bertindak sebagai ejen penyelaras utama atau ejen yang diberi kuasa bagi pihak Entiti Kerajaan yang berkaitan berhubung dengan penerimaan, pemprosesan dan perihal mempercepat Kelulusan dan tindakan pentadbiran yang diperlukan berhubung dengan permohonan untuk mendapatkan Kelulusan yang berkenaan dengannya Pihak Berkuasa telah membuat suatu perjanjian atau perkiraan di bawah seksyen 29; dan
- (b) memberikan perkhidmatan pentadbiran dan bantuan kepada setiap Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan tanah di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

(2) Pihak Berkuasa boleh, dalam menjalankan peranan yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) —

- (a) mengenakan ke atas pemohon apa-apa fi, kos atau apa-apa caj lain sebagaimana yang ditetapkan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa; dan
- (b) bagi pihak Entiti Kerajaan yang berkaitan, memungut daripada pemohon apa-apa fi, kos atau apa-apa caj lain sebagaimana yang dikehendaki dengan sah oleh Entiti Kerajaan itu berkaitan dengan permohonan itu.

Perkiraan dengan Entiti Kerajaan

29. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Pihak Berkuasa boleh membuat perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana Entiti Kerajaan berkenaan dengan—

- (a) penjalanan oleh Pihak Berkuasa dan Entiti Kerajaan itu akan mana-mana fungsi dan kuasa mereka masing-masing;
- (b) penjalanan atau penyediaan apa-apa kerja atau perkhidmatan oleh Pihak Berkuasa bagi Entiti Kerajaan itu, atau oleh Entiti Kerajaan itu bagi Pihak Berkuasa; atau
- (c) pemungutan oleh Pihak Berkuasa bagi pihak Entiti Kerajaan itu apa-apa fi, kos atau apa-apa caj lain sebagaimana yang dikehendaki, dicajkan atau dikenakan dengan sah oleh Entiti Kerajaan itu.

(2) Mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah —

- (a) dengan persetujuan Perdana Menteri dalam hal sesuatu Entiti Kerajaan Persekutuan;
- (b) dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan dalam hal sesuatu Entiti Kerajaan Negeri; dan
- (c) tertakluk kepada dan mengikut undang-undang yang mengawal kuasa dan fungsi Entiti Kerajaan yang berkaitan.

Tanggungjawab Entiti Kerajaan

30. Menjadi tanggungjawab tiap-tiap Entiti Kerajaan untuk —

- (a) bekerjasama dengan dan membantu Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsi dan dalam mencapai objektif Pihak Berkuasa di bawah Akta ini;
- (b) jika berkaitan, merujuk kepada dan menggunakan maklumat, statistik dan faktor yang disebarkan oleh Pihak Berkuasa di bawah perenggan 6(d) dalam melaksanakan fungsi dan kewajibannya, dalam menjalankan kuasanya, dan dalam menjalankan aktivitinya, di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara; dan

- (c) memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada syor Pihak Berkuasa bagi pemakaian, penerimapakaian atau penggunaan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara di bawah Akta ini.

BAHAGIAN VI

/

KEWANGAN

Kumpulan Wang

31. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai "Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara" yang hendaklah ditadbirkan dan dikawal oleh Pihak Berkuasa ditubuhkan.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Akta ini dari semasa ke semasa;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa bagi pinjaman yang diberikan oleh Pihak Berkuasa;
- (c) semua wang yang didapati daripada pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang;
- (d) semua wang yang didapati atau terhasil daripada apa-apa harta, pelaburan, kumpulan wang pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Pihak Berkuasa;
- (e) apa-apa harta, pelaburan, kumpulan wang pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Pihak Berkuasa;
- (f) jumlah wang yang dipinjam oleh Pihak Berkuasa bagi maksud memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya;
- (g) fi, kos dan apa-apa caj lain yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini;
- (h) semua wang yang didapati daripada perkhidmatan perundingan dan penasihat dan apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Pihak Berkuasa;

- (i) semua jumlah wang atau harta lain, selain jumlah wang yang disebut dalam perenggan 28(2)(b), yang mengikut apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Pihak Berkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi, kuasa dan kewajipannya; dan
- (j) semua wang lain yang diterima dengan sah oleh Pihak Berkuasa.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang

32. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Pihak Berkuasa, termasuk fi dan kos ukur dan guaman dan fi dan kos lain;
- (b) membayar saraan atau elaun anggota Pihak Berkuasa, mana-mana jawatankuasa atau, pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa, termasuk memberi pinjaman dan bayaran pendahuluan, elaun persaraan, faedah persaraan, pencen dan ganjaran;
- (c) membayar elaun dan belanja lain orang yang diundang kepada mesyuarat Pihak Berkuasa atau mana-mana jawatankuasa;
- (d) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujui terima dengan sah oleh Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini;
- (e) membeli atau menyewa loji, kelengkapan, jentera dan bahan, memperoleh tanah dan aset lain, dan mendirikan bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini;
- (f) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atas wang yang dipinjam itu;
- (g) memberikan bantuan kewangan di bawah seksyen 21;

- (h) memberikan insentif kepada pelabur di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa; dan
- (i) pada amnya membayar apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Akta ini.

Pemeliharaan Kumpulan Wang

33. Menjadi kewajipan Pihak Berkuasa untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Pihak Berkuasa mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Kumpulan wang rizab

34. Pihak Berkuasa hendaklah menubuhkan dan menguruskan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang

Akaun bank

35. Pihak Berkuasa hendaklah membuka dan menyenggarakan akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa, dan tiap-tiap akaun hendaklah dikendalikan dengan seberapa yang boleh melalui cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

Kuasa untuk meminjam

36. (1) Pihak Berkuasa boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam, pada apa-apa kadar bunga dan selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma mengenai masa dan cara pembayaran balik dan

selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya.

(2) Pihak Berkuasa boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, meminjam wang melalui pengeluaran mana-mana surat cara kewangan atas apa-apa terma yang, dengan kelulusan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, difikirkannya suai manfaat, bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) peruntukan modal kerja;
- (b) pelaksanaan fungsi, perjalanan kuasa dan penunaian kewajipan Pihak Berkuasa di bawah Akta ini;
- (c) pelaksanaan apa-apa fungsi tambahan yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini;
- (d) penebusan apa-apa surat cara kewangan yang Pihak Berkuasa dikehendaki atau berhak untuk menebusnya; dan
- (e) apa-apa perbelanjaan lain yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun modal.

Pelaburan

37. Wang Pihak Berkuasa, setakat yang wang itu tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Perdana Menteri.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

38. (1) Perbelanjaan Pihak Berkuasa sehingga apa-apa amaun yang dibenarkan oleh Perdana Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Pihak Berkuasa hendaklah mengemukakan kepada Perdana Menteri suatu anggaran perbelanjaan, termasuk perbelanjaan bagi projek pembangunan, bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Perdana Menteri.

(3) Perdana Menteri hendaklah, sebelum permulaan tahun yang berikutnya, memberitahu Pihak Berkuasa amaan yang dibenarkan bagi perbelanjaan secara amnya atau amaan yang dibenarkan bagi setiap perihal perbelanjaan.

(4) Pihak Berkuasa boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Perdana Menteri suatu anggaran tambahan perbelanjaannya bagi mana-mana satu tahun dan Perdana Menteri boleh membenarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang dimasukkan ke dalam anggaran tambahan itu.

(5) Perdana Menteri boleh mengarahkan Pihak Berkuasa supaya mengemukakan suatu salinan anggaran atau anggaran tambahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana pihak berkuasa awam yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

Tahun kewangan

39. Tahun kewangan Pihak Berkuasa hendaklah bermula dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

40. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Pihak Berkuasa..

BAHAGIAN VII

AM

Kuasa untuk mengambil khidmat

41. Pihak Berkuasa boleh mengambil khidmat, melantik dan membayar ejen, kontraktor dan penasihat teknikal, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank, broker saham, juru ukur, penilai dan orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan, untuk menjalankan apa-apa projek, skim atau perusahaan, atau untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan fungsinya, menjalankan kuasanya atau menunaikan kewajibannya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk menubuhkan syarikat

42. Pihak Berkuasa boleh menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan dan menjaga, mengelolakan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau dijalankan oleh Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsinya atau menjalankan kuasanya.

Kesalahan kerana memberikan maklumat palsu atau mengelirukan

43. (1) Mana-mana orang yang menzahirkan atau memberikan, atau menyebabkan mana-mana orang untuk menzahirkan atau memberikan, maklumat kepada Pihak Berkuasa yang diketahuinya atau yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(2) Jika seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) ialah seorang yang profesionnya dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis, dia boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

(3) Mana-mana syarikat atau perbadanan yang menzahirkan atau memberikan, atau menyebabkan mana-mana orang untuk menzahirkan atau memberikan, maklumat kepada Pihak Berkuasa yang diketahuinya atau yang ia mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

Kesalahan bagi pengubahsuaian tanpa kuasa maklumat dalam jagaan Pihak Berkuasa

44. (1) Seseorang melakukan suatu kesalahan jika dia melakukan apa-apa perbuatan, atau menyebabkan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa perbuatan, yang dia tahu akan menyebabkan pengubahsuaian tanpa kuasa apa-apa maklumat, statistik atau data lain, sama ada dalam bentuk elektronik atau selainnya, dalam milik, jagaan atau kawalan Pihak Berkuasa.

- (2) Bagi maksud seksyen ini —
- (a) adalah tidak material bahawa perbuatan yang berkenaan tidak ditujukan kepada—
 - (i) apa-apa maklumat, statistik atau data yang tertentu;
 - (ii) apa-apa jenis maklumat, statistik atau data; atau
 - (iii) apa-apa maklumat, statistik atau data yang disimpan di mana-mana lokasi tertentu;
 - (b) adalah tidak material sama ada sesuatu pengubahsuaian tanpa kuasa menjadi, atau diniatkan menjadi, kekal atau hanya sementara;
 - (c) sesuatu pengubahsuaian apa-apa maklumat, statistik atau data berlaku jika—
 - (i) maklumat, statistik atau data itu diubah atau dipadamkan;
 - (ii) apa-apa maklumat, statistik atau data baru dimasukkan atau ditambahkan kepada maklumat, statistik atau data itu; atau
 - (iii) apa-apa kejadian berlaku yang mengurangkan keupayaan Pihak Berkuasa untuk mendapatkan akses kepada maklumat, statistik atau data itu,dan termasuk apa-apa perbuatan yang menyumbang kepada berlakunya pengubahsuaian itu.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, atau didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan [Akta 574].

(4) Jika seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini ialah seorang yang profesionnya dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis, dia boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit, atau didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan.

(5) Mana-mana syarikat atau perbadanan yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit, atau didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kecederaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan.

Obligasi kerahsiaan

45. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota, pegawai atau pekhidmat Pihak Berkuasa, anggota sesuatu jawatankuasa atau orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa atau mana-mana jawatankuasa boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehnya semasa melaksanakan kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

46. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa yang lain bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang dengan apa-apa cara atau pada apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan —

- (a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.

Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang

47. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap —

- (a) Perdana Menteri;
- (b) Pihak Berkuasa;
- (c) mana-mana anggota Pihak Berkuasa, mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa; atau
- (d) mana-mana orang lain yang bertindak dengan sah bagi pihak Pihak Berkuasa,

berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaiian, keingkaran atau peninggalan yang dilakukan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

48. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Pihak Berkuasa atau terhadap mana-mana anggota Pihak Berkuasa, mana-mana anggota jawatankuasa atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa, berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaiian, keingkaran atau peninggalan yang dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian.

Pekhidmat awam

49. Tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa, atau mana-mana jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, pekhidmat atau ejen Pihak Berkuasa, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

50. Pihak Berkuasa boleh membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik atau bagi menetapkan apa-apa jua yang boleh, atau dikehendaki, ditetapkan di bawah Akta ini dan, tanpa menjejaskan keluasan yang terdahulu, peraturan-peraturan boleh dibuat bagi mengenakan fi, kos dan apa-apa caj lain dalam mana-mana hal yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

Perkara yang dilakukan dalam menjangkakan Akta ini diperbuat

51. Segala perbuatan dan perkara yang dilakukan bagi pihak Pihak Berkuasa sebagai persediaan bagi atau pada menjangkakan Akta ini diperbuat dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat bahawa perbuatan dan perkara yang dilakukan itu selaras dengan niat dan maksud am Akta ini; dan segala hak dan obligasi yang diperoleh atau ditanggung akibat pelakuan perbuatan atau perkara itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah apabila Akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Pihak Berkuasa.

Kecualian

52. (1) Peruntukan Akta ini tidaklah terpakai bagi atau menyentuh —

(a) berhubung dengan sesuatu Entiti Kerajaan —

- (i) mana-mana projek yang diusahakan oleh, atau mana-mana projek yang diluluskan atau diawardkan kepada, mana-mana Entiti Kerajaan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini; dan
- (ii) melainkan jika diarahkan selainnya oleh Perdana Menteri, mana-mana projek yang dicadangkan bagi mana-mana Entiti Kerajaan yang berkenaan dengannya kelulusan atau award sedang dinantikan pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini; dan

(b) berhubung dengan seseorang —

- (i) mana-mana projek yang diusahakan oleh, atau mana-mana projek yang diluluskan atau diawardkan kepada, mana-mana orang sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini; dan
- (ii) mana-mana projek yang dicadangkan bagi mana-mana orang yang berkenaan dengannya kelulusan atau award sedang dinantikan pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(2) Pelaksanaan atau pelaksanaan berterusan mana-mana projek, atau kelulusan atau award bagi mana-mana projek yang dicadangkan yang sedang dinantikan, kecuali mana-mana projek yang dicadangkan yang berhubung dengannya suatu arahan telah dibuat oleh Perdana Menteri dalam subperenggan (1)(a)(ii), tidaklah tersentuh oleh permulaan kuat kuasa Akta ini dan bagi maksud sedemikian ia hendaklah diperlakukan seolah-olah Akta ini telah tidak diperbuat.

JADUAL

[Subseksyen 9(7) |

Mesyuarat

1.(1) Pihak Berkuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun dan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mengengerusikan mesyuarat Pihak Berkuasa.

(3) Tiap-tiap anggota yang hadir pada mesyuarat Pihak Berkuasa berhak kepada satu undi.

(4) Seseorang anggota Pihak Berkuasa yang merupakan anggota silih ganti bagi anggota lain Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai satu undi bagi anggota yang mengundi yang berhubung dengannya dia bertindak sebagai anggota silih ganti, sebagai tambahan kepada undinya sendiri.

(5) Keputusan Pihak Berkuasa hendaklah dibuat melalui undi sebulat suara anggota yang hadir dan berhak untuk mengundi pada mesyuarat yang berkaitan.

Mengambil bahagian secara langsung melalui sambungan video, dsb.

2. Pengerusi boleh membenarkan seseorang anggota untuk menggunakan video secara langsung, sambungan televisyen atau kemudahan komunikasi atau multimedia yang sesuai yang lain untuk mengambil bahagian dalam mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa.

Ketetapan tanpa mesyuarat

3. (1) Suatu ketetapan dianggap telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat Pihak Berkuasa jika—

- (a) semua anggota Pihak Berkuasa telah diberitahu mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah diambil untuk memberitahu semua anggota Pihak Berkuasa mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan
- (b) tanpa bermesyuarat, semua anggota Pihak Berkuasa menandakan persetujuan dengan ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa di bawah subperenggan (2).

(2) Subperenggan (1) hanya terpakai jika Pihak Berkuasa—

- (a) memutuskan bahawa subperenggan itu terpakai; dan
- (b) memutuskan kaedah yang dengannya anggota Pihak Berkuasa hendaklah menandakan persetujuan tentang ketetapan itu.

Meterai perbadanan

4. (1) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang hendaklah mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Pihak Berkuasa, suatu cap yang mengandungi perkataan "Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Pihak Berkuasa.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Eksekutif atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa, dan hendaklah disahkan oleh Ketua Eksekutif atau orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan segala surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, yang disahkan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan ini, hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(4) Walau apa pun subperenggan (3), apa-apa dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Pihak Berkuasa mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Pihak Berkuasa oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Pihak Berkuasa yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu.

(5) Meterai perbadanan Pihak Berkuasa hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Minit

5. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menyebabkan minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Pihak Berkuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi, boleh diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Pihak Berkuasa yang berkenaan dengannya minit mengenai prosidingnya telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Tatacara

6. Tertakluk kepada Akta ini, Pihak Berkuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

Kesahan perbuatan dan prosiding

7. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Pihak Berkuasa;
- (b) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Anggota Pihak Berkuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Pihak Berkuasa

8. Tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Pihak Berkuasa sebagaimana yang perlu bagi menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai "Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara" yang akan dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi menggalakkan dan merangsang pembangunan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara, untuk mengadakan peruntukan bagi arah, dasar dan strategi yang sewajarnya berhubung dengan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, untuk mengadakan

peruntukan bagi penyelarasan antara agensi kerajaan supaya dapat memajukan perdagangan, pelaburan dan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Rang Undang-Undang mengandungi perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan. Berhubung dengan permulaan kuat kuasa, Perdana Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan
4. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.
5. *Fasal 3* bertujuan untuk memberi jaminan kepada Entiti Kerajaan, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta yang dicadangkan, bahawa tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai mengurangkan atau mengehendkan hak, kuasa dan fungsi Entiti Kerajaan itu.

BAHAGIAN II

6. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.
7. *Fasal 4* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Pihak Berkuasa.
8. *Fasal 5* menyatakan objektif Pihak Berkuasa.
9. *Fasal 6 dan 7* memperkatakan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa. Fungsi tambahan Pihak Berkuasa diperuntukkan dalam *fasal 8*.
10. *Fasal 9* mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Pihak Berkuasa. *Subfasal (7)* mengadakan peruntukan bagi perkara yang hendaklah dipatuhi oleh Pihak Berkuasa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.
11. *Fasal 10* mengadakan peruntukan mengenai tempoh pemegangan jawatan, pembatalan pelantikan anggota sektor swasta Pihak Berkuasa dan peletakan jawatan mereka.
12. *Fasal 11* menyatakan keadaan apabila jawatan seseorang anggota sektor swasta Pihak Berkuasa dikosongkan.
13. *Fasal 12* mengadakan peruntukan mengenai pengisian kekosongan dalam Pihak Berkuasa.

14. *Fasal 13* mengadakan peruntukan mengenai pembayaran saraan atau elaun kepada anggota Pihak Berkuasa dan pembayaran elaun dan belanja lain kepada orang yang diundang untuk menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa.

15. *Fasal 14* mengenakan kewajipan ke atas anggota Pihak Berkuasa dan sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa untuk menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Pihak Berkuasa atau jawatankuasa itu. I

16. *Fasal 15* mengadakan peruntukan mengenai penubuhan jawatankuasa untuk membantu Pihak Berkuasa.

17. *Fasal 16* memperkatakan kawasan atau kawasan-kawasan yang di dalamnya Pihak Berkuasa akan melaksanakan fungsinya.

18. *Fasal 17* memperkatakan perwakilan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa.

19. *Fasal 18* menghendaki Pihak Berkuasa untuk memberikan penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Perdana Menteri atau mana-mana pihak berkuasa awam.

BAHAGIAN III

20. Bahagian III mengandungi peruntukan tentang Ketua Eksekutif dan pegawai serta pekhidmat Pihak Berkuasa.

21. *Fasal 19* mengandungi peruntukan bagi pelantikan Ketua Eksekutif dan menyatakan tanggungjawabnya.

22. *Fasal 20* memperkatakan pengambilan khidmat pegawai dan pekhidmat Pihak Berkuasa.

23. *Fasal 21* membenarkan Pihak Berkuasa memberikan bantuan kewangan kepada anggota, pegawai dan pekhidmatnya dan mana-mana orang lain.

BAHAGIAN IV

24. Bahagian IV mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan arah, dasar dan strategi bagi pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

25. *Fasal 22* menyatakan tanggungjawab Pihak Berkuasa berhubung dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan. Tanggungjawab itu termasuklah melaksanakan fungsinya supaya dapat menjayakan dasar Kerajaan Persekutuan dan setiap Kerajaan Negeri yang berhubungan dengan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan membantu setiap Kerajaan Negeri untuk menyelaraskan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Bagi maksud ini, Pihak Berkuasa hendaklah menyediakan suatu draf Rancangan Pembangunan WEKU untuk diterima pakai oleh pihak berkuasa perancang tempatan yang berkaitan menurut *fasal 24*.

26. *Fasal 23* mengadakan peruntukan bagi penyediaan draf Rancangan Pembangunan WEKU yang merupakan dokumen terperinci yang mengandungi pernyataan bertulis yang merumuskan cadangan bagi keseluruhan rangka kerja, wawasan, objektif dan strategi bagi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Cadangan sedemikian berhubung dengan, antara lain, pengurusan kegunaan tanah, tarikan pelaburan kepada sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, perlindungan, pengurusan, pemeliharaan dan peningkatan sumber alam sekitar semula jadi, sumber pertanian, dsb di dalamnya dan infrastruktur utiliti dan perkhidmatan dan pembangunan berorientasikan perhubungan.

27. *Fasal 24* menghendaki Pihak Berkuasa untuk mengemukakan draf Rancangan Pembangunan WEKU kepada setiap Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Setiap Jawatankuasa Perancang Negeri hendaklah mengarahkan pihak berkuasa perancang tempatan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara untuk memasukkan kandungan Rancangan Pembangunan WEKU yang diluluskan ke dalam draf rancangan tempatan yang berkaitan sebagaimana yang difikirkannya berkaitan atau sesuai.

28. *Fasal 25* membenarkan Pihak Berkuasa dan Kerajaan Negeri untuk bersesama mengkaji semula atau mengubah Rancangan Pembangunan WEKU.

29. *Fasal 26* mengenakan kewajipan ke atas tiap-tiap Entiti Kerajaan dan orang, sama ada tempatan atau asing, untuk mengambil tahu tentang dan bertindak dengan cara yang selaras dengan kandungan Rancangan Pembangunan WEKU yang tidak dimasukkan ke dalam rancangan tempatan dalam melaksanakan fungsinya, dsb., di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

30. Di bawah *fasal 27*, Pihak Berkuasa diberi kuasa untuk menetapkan melalui perintah apa-apa pembangunan atau mana-mana kawasan atau kawasan-kawasan sebagai pembangunan strategik yang ditetapkan atau kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan yang mempunyai kesan ekonomi yang penting kepada Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Mana-mana orang atau Entiti Kerajaan yang berniat untuk menjalankan pembangunan strategik yang ditetapkan atau pembangunan di dalam kawasan pembangunan strategik yang ditetapkan dikehendaki untuk merujuk cadangan pembangunan itu kepada Pihak Berkuasa bagi arahannya sebelum menjalankan pembangunan itu. Ini adalah untuk memastikan pematuhan atau keselarasan cadangan pembangunan itu dengan Rancangan Pembangunan WEKU yang tidak dimasukkan ke dalam draf rancangan tempatan atau rancangan tempatan menurut *subfasal 24(5)*.

BAHAGIAN V

31. Bahagian V mengandungi peruntukan yang berhubung dengan penyelarasan antara Entiti Kerajaan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

32. *Fasal 28* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Pihak Berkuasa bertindak sebagai ejen penyelarasan utama atau ejen yang diberi kuasa bagi pihak Entiti Kerajaan yang berkaitan berhubung dengan penerimaan, pemprosesan dan perihal mempercepat Kelulusan dan tindakan pentadbiran yang diperlukan berkenaan dengan permohonan bagi lesen, permit dan Kelulusan lain, yang dikehendaki bagi atau berkaitan dengan perdagangan, pelaburan dan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

33. Di bawah *fasal 29*, Pihak Berkuasa boleh membuat perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana Entiti Kerajaan berkenaan dengan penjalanan fungsi dan kuasa masing-masing. Apa-apa perjanjian atau perkiraan itu adalah tertakluk kepada undang-undang yang mengawal fungsi dan kuasa Entiti Kerajaan yang berkenaan.
34. *Fasal 30* menyatakan tanggungjawab tertentu Entiti Kerajaan untuk bekerjasama dengan dan membantu Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN VI

35. Bahagian VI mengandungi peruntukan kewangan.
36. *Fasal 31* mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (Kumpulan Wang) dan *fasal 32* menyatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan pada Kumpulan Wang itu.
37. *Fasal 33* meletakkan kewajipan ke atas Pihak Berkuasa untuk memelihara Kumpulan Wang itu.
38. *Fasal 34* menghendaki Pihak Berkuasa untuk menubuhkan suatu kumpulan wang rizab dalam Kumpulan Wang itu
39. *Fasal 35* menghendaki Pihak Berkuasa untuk membuka dan menyenggara akaun bank.
40. *Fasal 36* membolehkan Pihak Berkuasa meminjam wang.
41. *Fasal 37* membenarkan Pihak Berkuasa untuk melaburkan wang Pihak Berkuasa yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan mengikut cara yang diluluskan oleh Perdana Menteri.
42. *Fasal 38* menghendaki Pihak Berkuasa untuk menyediakan suatu anggaran perbelanjaannya.
43. *Fasal 39* mengadakan peruntukan bagi tahun kewangan Pihak Berkuasa.
44. *Fasal 40* memperuntukkan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 terpakai bagi Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN VII

45. Bahagian VII mengandungi peruntukan am.
46. *Fasal 41* memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk mengambil khidmat, melantik dan membayar ejen, kontraktor dan penasihat teknikal, termasuk peguam bela dan peguam cara, jurubank dan broker saham.

47. *Fasal 42* bertujuan untuk membolehkan Pihak Berkuasa menubuhkan syarikat.
48. *Fasal 43* mengadakan peruntukan bagi kesalahan menzahirkan atau memberikan maklumat palsu atau mengelirukan kepada Pihak Berkuasa.
49. *Fasal 44* mewujudkan suatu kesalahan bagi pengubahsuaian tanpa kuasa maklumat dalam milik Pihak Berkuasa, sama ada dalam bentuk elektronik atau selainnya.
50. *Fasal 45* melarang anggota, pegawai atau pekhidmat Pihak Berkuasa atau sesuatu jawatankuasa atau orang yang diundang untuk menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa atau mana-mana jawatankuasa daripada menzahirkan maklumat yang diperolehi semasa menjalankan tugasnya.
51. *Fasal 46* memperkatakan kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
52. *Fasal 47* memberikan perlindungan kepada Perdana Menteri, Pihak Berkuasa dan anggota, pegawai dan pekhidmatnya dan orang lain yang menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta yang dicadangkan daripada tindakan, guaman atau pendakwaan jika perbuatan itu dibuat dengan suci hati.
53. *Fasal 48* mengadakan peruntukan bagi pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 bagi Pihak Berkuasa dan anggota, pegawai dan pekhidmatnya dan anggota sesuatu jawatankuasa.
54. *Fasal 49* memperuntukkan bahawa anggota Pihak Berkuasa, atau sesuatu jawatankuasa, dan pegawai, pekhidmat dan ejen Pihak Berkuasa adalah disifatkan sebagai pekhidmat awam.
55. *Fasal 50* memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
56. *Fasal 51* mengadakan peruntukan mengenai perbuatan dan perkara yang dibuat pada menjangkakan pemerbuatan Akta yang dicadangkan.
57. *Fasal 52* memperkatakan peruntukan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U²)2613]